



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

**BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memperkemas dan menggabungkan peraturan serta syarat tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu ke dalam satu Pekeliling Perkhidmatan supaya tuntutan bayaran balik pembaharuan lesen memandu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur serta memudahkan rujukan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini, peraturan dan syarat mengenai tuntutan bayaran berkenaan diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut:

- (i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1973;

(ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 1973; dan

(iii) perenggan 3.5, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980.

3. Berlandaskan prinsip dan kriteria pemberian elaun serta mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini, maka nama elaun diselaraskan dan dinamakan semula sebagai **Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu**.

4. Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu adalah diberikan kepada pemandu kenderaan Kerajaan atau pegawai yang ditugaskan untuk memandu kenderaan-kenderaan Kerajaan yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen memandu yang sah.

## TAFSIRAN

5. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

‘**Ketua Jabatan**’ bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi untuk bertindak bagi pihaknya; dan

‘**Kenderaan Kerajaan**’ adalah kenderaan ringan dan berat yang dibeli, disewa, dipajak atau dipinjam termasuk yang diterima sebagai hadiah untuk kegunaan rasmi Kerajaan, gunasama jabatan, kenderaan kegunaan khas atau kereta rasmi jawatan yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan, yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen pemandu yang sah.

## **PELAKSANAAN**

### **Kelayakan**

6. Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu diperuntukkan kepada pegawai bertaraf tetap dan kontrak yang dilantik sebagai:
  - (i) pemandu kenderaan Kerajaan; atau
  - (ii) pegawai yang diarahkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan sebagai tugas mereka di samping melaksanakan tugas jawatannya sendiri.

### **Syarat-Syarat Pembayaran**

7. Pemandu atau pegawai yang layak boleh menerima Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu yang dibuat pada tahun semasa sahaja.
8. Pemandu atau pegawai yang layak boleh mengemukakan tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu kepada jabatan bagi bayaran yang telah dikeluarkan.
9. Selain daripada kaedah pembayaran di perenggan 8, pemandu atau pegawai yang layak juga boleh diberi wang pendahuluan daripada jabatan masing-masing.
10. Pemandu atau pegawai tidak layak menuntut Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu sekiranya tidak ditugaskan lagi memandu kenderaan Kerajaan atas sebab-sebab tertentu.

### **Kadar**

11. Kadar Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan Malaysia atau pihak berkuasa lain yang berkaitan.

## **Tanggungjawab Pemandu Atau Pegawai**

12. Pemandu atau pegawai seperti di perenggan 6 adalah bertanggungjawab untuk memastikan:

- (i) pembaharuan lesen memandu hendaklah dibuat sebelum tarikh lesen tersebut tamat tempoh. Sebarang bayaran denda yang dikenakan kerana lewat membaharui lesen memandu tidak akan ditanggung oleh jabatan; dan
- (ii) tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu yang dikemukakan adalah teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

## **PEMBATALAN**

13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan dan perenggan dalam Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut adalah **dibatalkan**:

- (i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1973;
- (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 1973; dan
- (iii) perenggan 3.5, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980.

## **TARIKH KUAT KUASA**

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**



**(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

 Februari 2017

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan